

SEJARAH PERGERAKAN UMNO BAHAGIAN PASIR MAS DARI
TAHUN 1951 HINGGA TAHUN 1968



ARKIB

rb
fAC895
M22N231

76

**SEJARAH PERGERAKAN UMNO BAHAGIAN PASIR MAS
DARI TAHUN 1951 HINGGA TAHUN 1968.**

OLEH

NARINI BT. ZAKARIA

UNTUK KEPERLUAN BATTHAN ILMIAH,
PENGKHUSUSAN SEJARAH,
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN,
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA,
PULAU PINANG.
1984/1985.

PRA KATA

Sejarah Pergerakan UMNO di sini bererti kegiatan - kegiatan dan perjalanan Parti itu sejak ditubuhkan dari tahun 1951 hingga tahun 1968. Ia juga akan menyentuh tentang kejayaan dan kegagalan perjuangan Parti ini dalam semua bidang terutamanya bidang politik.

Tajuk ini dipilih kerana saya ingin membentangkan dengan lebih lanjut tentang sejarah Pergerakan UMNO yang bergerak di dalam sebuah negeri yang bertentangan bentuk pentadbirannya ketika itu. Saya juga ingin melihat dengan lebih mendalam tentang kegigihan pemimpin-pemimpin UMNO

Bahagian Pasir Mas di waktu itu dalam memperjuangkan

cita-cita politiknya serta setakat mana penerimaan orang ramai pada masa itu tentang kehadiran sebuah parti yang tidak menggunakan unsur Agama Islam pada namanya.

Saya suka menyatakan di sini bahawa beberapa aspek tertentu dalam penulisan latihan Ilmiah ini telah tidak saya sentuh dengan mendalam. Ini kerana sebahagian besar kajian ini berdasarkan kepada temuramah dengan beberapa orang tokoh-tokoh UMNO tempatan. Oleh sebab kajian ini lebih banyak menumpukan kepada pentafsiran bukti sumber kedua maka terdapat banyak pentafsiran yang mungkin dianggap berat sebelah. Sebenarnya

suka saya nyatakan di sini bahawa di dalam membuat kajian latihan Ilmiah ini perasaan dan emosi tidak langsung terlibat kerana seperti yang kita ketahui seseorang itu patut membuat pentafsiran bukti bukan berdasarkan kepada perasaan dan emosi.

Cara pengkajian yang digunakan di sini ialah yang mula-mula sekali dengan mencari bahan-bahan bertulis seperti buku-buku, majalah, senarai fail-fail dan akhir sekali berdasarkan kepada temuramah yang dijalankan dengan tokoh-tokoh yang terlibat pada waktu itu. Bahan-bahan yang digunakan di sini kesemuanya terdiri dari sumber awalan, sumber kedua, latihan Ilmiah dan sumber-sumber dari Arkib Negara.

Dalam menyelesaikan kajian ini terdapat beberapa masalah kerana sumber-sumber bertulis dari Pejabat UMNO Bahagian Pasir Mas banyak yang telah hilang semasa banjir dan sumber-sumber yang terdapat di Arkib Negara tidak sempat diteliti kesemuanya kerana kesuntukan masa.

Akhir sekali saya berharap agar kajian yang saya buat ini tidak menyentuh perasaan mana-mana pihak kerana keadaan itu tidak saya sengajakan.

PENGHARGAAN

Di dalam menyiapkan latihan Ilmiah ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pensyarah-pensyarah di Bahagian Sejarah yang telah memberi bimbingan kepada saya selama ini. Ucapan penghargaan ini saya tujukan khas kepada Penyelia saya Prof. Madya DR. Suntharalingam yang menjadi pembimbing saya dalam usaha menyiapkan latihan Ilmiah ini. Pertolongan dan dorongan yang beliau berikan kepada saya telah membolehkan saya menyiapkan latihan Ilmiah ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Arkib Negara kerana telah membenarkan saya menjalankan kajian di sana dan tak lupa juga Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas 1984 kerana telah membenarkan saya meneliti fail-fail dan rekod-rekod di Pejabat UMNO Pasir Mas. Kepada tokoh-tokoh yang sudi untuk ditemuramah saya ucapkan ribuan terima kasih.

Akhir sekali kepada rakan-rakan yang telah memberi perangsang dan dorongan kepada saya dalam usaha menyiapkan kajian ini, terutama kepada Sdri. Norliza Mahmud dan Kak Rosminah Mohd. Tahir yang banyak membantu saya semasa menyiapkan latihan Ilmiah ini saya sudahi dengan ucapan terima kasih yang tak terhingga.

Narini Zakaria.

Universiti Sains Malaysia,

Februari, 1985.

ISI KONTEN

Daftar Isi	
1. Kata Pengantar	
2. Daftar Isi	
3. Daftar Gambar	
4. Daftar Tabel	
5. Bab I	
6. Bab II	
7. Bab III	
8. Bab IV	
9. Bab V	
10. Bab VI	
11. Bab VII	
12. Bab VIII	
13. Bab IX	
14. Bab X	
15. Bab XI	
16. Bab XII	
17. Bab XIII	
18. Bab XIV	
19. Bab XV	
20. Bab XVI	
21. Bab XVII	
22. Bab XVIII	
23. Bab XIX	
24. Bab XX	
25. Bab XXI	
26. Bab XXII	
27. Bab XXIII	
28. Bab XXIV	
29. Bab XXV	
30. Bab XXVI	
31. Bab XXVII	
32. Bab XXVIII	
33. Bab XXIX	
34. Bab XXX	
35. Bab XXXI	
36. Bab XXXII	
37. Bab XXXIII	
38. Bab XXXIV	
39. Bab XXXV	
40. Bab XXXVI	
41. Bab XXXVII	
42. Bab XXXVIII	
43. Bab XXXIX	
44. Bab XL	
45. Bab XLI	
46. Bab XLII	
47. Bab XLIII	
48. Bab XLIV	
49. Bab XLV	
50. Bab XLVI	
51. Bab XLVII	
52. Bab XLVIII	
53. Bab XLIX	
54. Bab L	

Istimewa Untuk,

Ayahanda dan Bunda yang selalu mendoakan kejayaan anakanda dan buat suami yang sabar membimbing daku sehingga berjaya.

ISI KANDUNGAN

Latihan Ilmiah ini bertujuan memaparkan tinjauan nasional Per <u>Tajuk</u> USMB dengan tinjauan khas Rancangan <u>Muka Surat</u>	
I. Pra Kata Pasir Mas Kilir sebagai daerah baharu di negeri	i
2. Penghargaan terhadap USMB kerana berkhidmat dengan negara dan rakyat sebagai seperti di bawah:	iii
3. Sinopsis	iv
4. Singkatan	viii
5. Peta Jajahan Pasir Mas (Kawasan pilihanraya)	ix
6. Pendahuluan	x
7. Bab I	I
8. Bab II	10
9. Bab III	29
10. Bab IV	41
11. Bab V	50
12. Lampiran I	55
13. Bibliografi	57
14. Seharai temuramah	62

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini bertujuan mengutarakan tinjauan mengenai Pergerakan UMNO dengan tumpuan khas kepada Pergerakan UMNO Bahagian Pasir Mas Hilir sahaja. Dalam bahagian pendahuluan saya memperkatakan tentang UMNO secara keseluruhannya, manakala dalam bab-bab berikut adalah seperti di bawah:

BAB I: Di sini saya memperkenalkan Jajahan Pasir Mas mengikut latar belakang Geografi iaitu berkenaan dengan penduduknya, daerah-daerah yang terlibat dalam kawasan pilihanraya Pasir Mas iaitu tidak termasuk Rantau Panjang. Juga di dalam bab ini disentuh tentang penubuhan UMNO Bahagian Pasir Mas sejak awal tahun 1950an iaitu secara tak rasmi sehinggalah ke tahun 1960an.

BAB II: Dalam bab ini saya cantumkan tentang kepimpinan, keahlian serta cawangan-cawangannya dan cara-cara pen-
biran dalam satu tajuk besar iaitu organisasi. Dalam bab ini tokoh-tokoh yang telah bersusah payah memimpin UMNO Bahagian ini saya senaraikan mengikut tahun, begitu juga tentang sambutan ahli terhadap pergerakan ini dari awal hingga ke tahun 1968. Juga disentuh bagaimana dan kenapa ahli-ahli berkurang dan bertambah dalam waktu-waktu tertentu.

BAB III: Dalam bab ini ditonjolkan bagaimana UMNO Bahagian ini berjuang menghadapi parti lawan semasa pilihanraya dan bagaimana tentangan dari parti lawan. Juga disentuh

tentang penglibatannya dalam bidang politi yang ; lain selain dari pilihanraya .

BAB IV:


Dalam bab ini disentuh tentang aktiviti-aktiviti politik dan sosial yang mana memberi kesan kepada perjuangan UMNO Bahagian ini dari segi matlamat dan pencapaiannya. Aktiviti-aktiviti yang lain tidak disentuh kerana bilangan perkataan adalah terhad.

BAB V:

Bab lima ini berkenaan dengan analisa secara keseluruhan tentang pergerakan UMNO Bahagian Pasir Mas dan kesimpulan tentang pergerakan ini.





SINGKATAN

1. AJK = Ahli jawatankuasa.
2. KTM = Keretapi Tanah Melayu
3. PAS = Parti Islam . SeMalaya
4. UMNO = Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.




PETA JAJAHAN PASIR MAS

Sekil Satu Batu Seinci

-  JALAN KERETAPI
-  JALANRAYA
-  TALUK
-  LEBUH RAYA

SIAM



PENDAHULUAN

UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu telah ditubuhkan pada bulan Mei 1946 dan disahkan menurut perlembagaan pada bulan Julai 1946 di Johor Bharu. Kemunculan UMNO pada tahun 1946 bukanlah satu semangat yang baharu bagi orang-orang Melayu kerana ia telah ada semenjak penjajah mula bertapak di Tanah Melayu lagi. Dengan tertubuhnya UMNO itu telah membuktikan ketinggian semangat orang-orang Melayu dalam menentang pencerobohan terhadap hak-hak mereka yang telah dirampas oleh orang lain. Ini disebabkan ianya lahir di tengah-tengah kemarahan orang-orang Melayu yang telah sedar bahawa hak Melayu dan maruah bangsa Melayu telah dicabul oleh Inggeris yang mengistiharkan Malayan Union sebaik sahaja selesai Perang Dunia Kedua.

Kewujudan UMNO bukanlah sesuatu yang kebetulan tetapi tepat pada masanya di mana orang-orang Melayu perlu disedarkan akan hak-hak mereka yang hampir hilang dari tangan mereka. Jadi di sebabkan semangat yang berkobar-kobar di kalangan pemimpin UMNO dan ahli-ahlinya maka mereka telah bersatu menentang penubuhan Malayan Union dan berjaya membubarkannya pada 1hb. Feb, 1948. Dari sinilah bermula pula perjuangan mereka untuk menuntut kemerdekaan bagi Tanah Tanah Melayu bersama-sama dengan rakyat lain. UMNO telah

menggabungkan tiga buah Parti politik yang mewakili tiga bangsa terbesar di Tanah Melayu dalam satu perikatan iaitu UMNO, MCA dan MIC. Inilah jalan yang dapat mengujudkan perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum di-Malaya ketika itu. Ianya juga dapat menjamin bahawa kemerdekaan yang dicapai itu nanti akan memberikan kebaikan kepada semua orang dan juga kepada kesejahteraan hidup di negara yang tercinta ini.

UMNO tetap menjadi tulang belakang pemerintahan di negara ini sejak pilihanraya yang pertama itu lagi dan itu juga bererti bahawa kuasa politik tanah air masih tetap utuh di tangan orang Melayu lagi. Ianya sudah tentulah melalui kata sepakat yang terdapat dalam kepimpinan UMNO di peringkat Pusat, negeri dan bahagian serta cawangan-cawangan yang terdapat dimerata tempat di negara ini.

Keutuhan pemerintahan UMNO disebabkan juga oleh perpaduan yang ada antara semua bangsa-bangsa yang tinggal di negara ini tidak kira Agama apa serta dari mana asal usulnya yang kita pentingkan ialah rasa perpaduan itu mesti jangan dihilangkan kerana jika perpaduan di-kalangan rakyat yang tinggal di negara ini telah hilang sudah pastilah keamanan tidak akan wujud lagi dan lagi

peristiwa 13 Mei yang kita tidak mahu lagi sejarahnya berulang akan terjadi lagi dan kesannya akan dirasai oleh semua orang.

Perpaduan dan kata sepakat bagi semua ahli-ahli UMNO juga perlu supaya cita-cita kita untuk berbakti kepada bangsa dan tanah air tidak akan terhapus begitu sahaja. Hasrat dan perjuangan pemimpin UMNO yang dahulu itu mestilah kita pegang dan contohi supaya kedaulatan bangsa Melayu tetap utuhan tidak hilang ditelan zaman.

Akhir sekali bersama-samalah kita bersatu di bawah satu pemerintahan dan menjadikan kemerdekaan yang dicapai dalam perjuangan UMNO masa dahulu itu bererti dan dapat memberikan kebahagiaan dan kesejahteraan kepada semua orang. Janganlah hendaknya di dalam pergerakan UMNO kini terdapat lagi orang yang bersifat talem dua muka kerana itu hanya akan merugikan diri sendiri.